NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIA SHIPPING NOTICE

MSN 06 / 2026

JABATAN LAUT MALAYSIA
MALAYSIA MARINE DEPARTMENT
Ibu Pejabat Laut, Menara Dius Api, PT 664, Jalan Limbungan, 42007, Pelabuhan Klang.
Tel: 03-3346 7777 Fax: 03-3168 5289 E-mail: kpgr@marine.gov.my Webpage: http://www.marine.gov.my

Notis kepada pemilik dan pengurus kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan, Organisasi Yang Diiktiraf dan industri maritim. Pengeluaran notis ini adalah selaras dengan Seksyen 519_A, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.
Notice to shipowners, ship manager, ship agents, Masters, seafarers, port operators, Recognized Organization and the maritime industry. The issuance of this notice is in accordance to Section 519_A, Merchant Shipping Ordinance 1952.

PERUNTUKAN BEKALAN AIR MINUM DAN MAKANAN KEPADA PELAUT
PROVISIONS OF DRINKING WATER AND FOOD FOR SEAFARERS

1. Notis ini bertujuan untuk memaklumkan peruntukan bekalan air minum dan makanan bagi pelaut di atas semua kapal berdaftar Malaysia.

2. Selaras dengan Seksyen 107 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan mengambil kira Standard A3.2 Konvensyen Buruh Maritim 2006, semua pemilik kapal hendaklah memastikan bekalan air minum dan makanan yang mencukupi serta mematuhi piawaian berikut:

   a) Penyediaan makanan dan air minum, dengan mengambil kira bilangan pelaut di atas kapal, keperluan agama dan amalan budaya mereka, serta tempoh dan keadaan pelayaran, hendaklah pada setiap masa sesuai dari segi kuantiti, nilai pemakanan, kualiti dan kepelbagaiannya; dan

   b) Pengurusan dan kelengkapan jabatan katering hendaklah diatur sedemikian rupa sehingga membolehkan penyediaan makanan yang mencukupi, pelbagai dan berzat untuk para pelaut, yang disediakan serta dihidangkan dalam keadaan yang bersih.

1. *This Notice serves to notify the provision of drinking water and food for seafarers onboard all Malaysian-flagged ships.*

2. *In compliance to Section 107 of Merchant Shipping Ordinance 1952 and taking into account Standard A3.2 of Maritime Labour Convention 2006, all shipowners shall ensure sufficient drinking water and food, meet the following standards:*

   a) The provision of food and drinking water, having regard to the number of seafarers on board, their religious requirements and cultural practices, the duration and nature of the voyage, shall be appropriate in terms of quantity, nutritional value, quality, and variety at all time; and

   b) The organisation and equipment of the catering department shall be such as to permit the provision to the seafarers of adequate, varied and nutritious meals prepared and served in hygienic conditions.

3. Skala makanan dan air minum minimum dalam **Annex A** hendaklah dijadikan rujukan asas bagi pemilik dan pengurus kapal dalam merancang bekalan makanan. Penyediaan makanan hendaklah mengambil kira keperluan kesihatan dan mencukupi bagi tugasan harian pelaut

3. *The minimum drinking water and food scale in **Annex A** shall serve as a basic reference for shipowners and managers in planning food supplies. Food provision shall consider health requirements and be sufficient for seafarers' daily duties.*

4. Anggota katering hendaklah dilatih atau diberi arahan yang bersesuaian bagi melaksanakan tugas mereka, dengan merujuk kepada **Annex B**.

4. *Catering staff shall be properly trained or instructed for their positions in reference to **Annex B**.*

5. Notis ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

5. *This Notice is effective on the date of its issuance.*

Pertanyaan mengenai Notis ini secara umum boleh diajukan melalui e-mel kepada Bahagian Pembangunan Perkapalan & Pelaut:

bppp@marine.gov.my

Inquiries regarding this Notice in general may be directed via email to the Shipping & Seafarers Development Division:

bppp@marine.gov.my

Manakala pertanyaan mengenai Notis ini berhubung pelaksanaan polisi syarikat perkapalan melalui Kod ISM boleh diajukan melalui e-mel kepada Bahagian Kawalan Industri Maritim:

bkim@marine.gov.my

Meanwhile, inquiries regarding this Notice in relation to the implementation of shipping company policies through the ISM Code may be directed via email to the Maritime Industry Control Division:

bkim@marine.gov.my

Dikeluarkan oleh:

KETUA PENGARAH LAUT
Tarikh: 09 Ogos 2026

Issued by:

DIRECTOR OF MARINE
Date: 09th August 2026

_____